

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF  
RAWA [ PARIT BUNTAR]**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA [ PARIT BUNTAR ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan maklumat terkini proses pembinaan Hospital Parit Buntar dan jadual terbaru siapnya hospital tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek Pembinaan Hospital Parit Buntar, Perak telah diluluskan pada tahun 2013 oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Rolling Plan Ketiga (RP-3) **dengan kos keseluruhan sebanyak RM173,345,000**. Projek ini telah **ditender pada 14 Ogos 2017 dan dijangka siap pada 24 Mac 2022**.

2. Sehingga kini, projek pembinaan Hospital Parit Buntar berada dalam fasa pembinaan dengan **kemajuan fizikal sehingga 30 September 2020 adalah pada 19% (Sebenar) berbanding 53% (Jadual)**. Walau bagaimanapun, prestasi kemajuan fizikal ini **belum mengambil kira penjadualan semula program kerja (CPM) berdasarkan tempoh pelanjutan masa kedua sebanyak 114 hari berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)**.

3. Mengambil kira prestasi kemajuan projek semasa, maka **pelaksanaan projek ini akan dirujuk kepada Contract Coordination Panel (CCP), Jabatan Kerja Raya (JKR)** untuk pertimbangan dan tindakan selanjutnya termasuklah **penamatan perkhidmatan kontraktor sedia ada**.

Sekian, terima kasih.